

WARISAN sukar dapat sokongan di Semenanjung

Oleh Zanariah Abd Mutualib - Disember 15, 2020 @ 5:14pm

zanariah_mutalib@bh.com.my

Berita Harian Online 15.12.2020



Parti WARISAN dijangka berdepan dengan cabaran untuk bertapak sebagai parti nasional.- Foto/NSTP

KUALA LUMPUR: Parti Warisan Sabah (WARISAN) dijangka berdepan cabaran untuk bertapak sebagai parti nasional dan sukar mendapat sokongan di Semenanjung berikutan sentimen rakyat yang berbeza berbanding di negeri itu.

Pensyarah Kanan, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr Haryati Abdul Karim, berkata WARISAN menjadi tarikan sebilangan pengundi Sabah kerana menonjol sebagai parti tempatan tulen berbanding UMNO di Sabah, sekali gus memenuhi kehendak rakyat negeri itu yang mahu ditadbir parti tempatan.

"Kira-kira 30 ke 40 peratus rakyat Sabah mahukan kerajaan negeri ditadbir sepenuhnya parti tempatan. Jika Warisan mula menjadi parti nasional, bagaimana dengan statusnya sebagai parti Sabah untuk rakyat Sabah?

"Apabila menjadi parti nasional, ini bermakna ia perlu mengubah suai matlamat parti dengan menumpukan kepada isu nasional. Jadi, apa bezanya Warisan dengan UMNO Sabah?

"Ini sekali gus akan menyebabkan pengundi di negeri itu mula meragui perjuangan WARISAN," katanya kepada BH, hari ini.

Sabtu lalu, Presiden WARISAN, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal mengumumkan parti itu akan melebarkan sayap ke Semenanjung.

Pada sidang media selepas merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan WARISAN 2019 di Likas, Sabah itu, Shafie turut menyatakan pembangkang di negara ini perlu berani menukar barisan kepemimpinannya untuk terus maju terutama dalam menghadapi Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15).

Mengulas lanjut, penganalisis politik itu berkata, WARISAN sukar untuk menarik keahlian ramai di Semenanjung, namun mungkin mendapat tempat dalam kalangan rakyat Sabah yang bermastautin di sini.

Ditanya sama ada WARISAN sebagai parti pelbagai kaum boleh menjadi alternatif bagi golongan yang tidak sukakan parti berdasarkan kaum, Haryati berkata, isu itu tidak timbul.

"WARISAN sebenarnya tidak menghala ke arah parti politik tapi lebih kepada sentimen kenegerian berdasarkan Perjanjian Malaysia 1963 (MA 1963).

"Saya tidak rasa WARISAN boleh menjadi parti alternatif kerana parti itu sebelum ini pernah dikritik kerana terlalu condong pada orang Semporna, sehingga timbul kritikan mengenai "Sempornization."

"Selagi kritikan ini tidak ditangani, selagi itu sesiapa pun tidak terbuka untuk menyertai parti itu," katanya.

Berhubung sama ada Mohd Shafie boleh diterima untuk memimpin Pakatan Harapan (PH) berbanding Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Haryati berkata, pengaruh bekas Ketua Menteri Sabah itu tidak sekuat Anwar, termasuk untuk menjawat jawatan Perdana Menteri.

"Pengaruhnya (Mohd Shafie) setakat di Sabah dan Kuala Lumpur, tetapi tidak menyeluruh," katanya.